

Masalah hak milik strata selesai

» *Hukuman berat pemaju gagal pecah bahagi bangunan tanah*

Oleh Norfatimah Ahmad, Faiza Zainuddin, Shaarani Ismail, S Anand Kumar dan Nor Fariza Ramlan
bhnews@bharian.com.my

✦ **Kuala Lumpur**

Pengeluaran hak milik strata dan pemilikan kosong yang sebelum ini dibuat secara berasingan akan diberi se-

rentak menerusi Rang Undang-Undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2012.

Rang undang-undang itu yang diluluskan di Dewan Rakyat semalam dijangka dapat mengatasi masalah permohonan dan pendaftaran hak milik strata bagi bangunan lama yang diduduki sebelum 1996.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas, berkata hukuman lebih berat bagi tujuan pencegahan turut diperkenalkan bagi tujuan itu.

Antaranya, menerusi pindaan Seksyen 8, pemaju yang gagal mengemukakan permohonan pecah

bahagi bangunan atau tanah boleh didenda RM100,000 dan penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Pindaan bidang kuasa

Pindaan itu juga membolehkan bidang kuasa pengurusan bangunan diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, manakala urusan pendaftaran hak milik strata dikendalikan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

“Bagi membolehkan perkara ini dilaksanakan, sebanyak 46 pindaan ke atas Akta Hak Milik Strata 1985 akan dilakukan.

“Sehingga kini sebanyak 1,148 skim strata membabitkan 105,133 petak masih berdepan masalah pendaftaran hak milik, manakala 200,000 petak lagi belum mengemukakan permohonan hak milik,” katanya semasa menggulung perbincangan Rang Undang-Undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2012 di Dewan Rakyat semalam.

Rang undang-undang itu adalah penambahbaikan kepada Akta Hak Milik Strata 1985 yang dipinda empat kali pada 1990, 1996, 2001 dan 2007.

Uggah berkata berdasarkan pemerhatian dan kajian bersama agensi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terdapat tiga



Douglas Uggah Embas

punca utama menyebabkan kegagalan permohonan dan pendaftaran hak milik strata.

Pertama, masalah tanah kerana banyak yang berstatus hak milik sementara tetapi pembangunan dibuat bercanggah dengan syarat nyata tanah.

Kedua, masalah bangunan ia itu terkeluar daripada sempadan lot, binaan tidak mengikut pelan dan banyak lagi.

